



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**FASA KEDUA APLIKASI BRUHEALTH**

Tarikh: 24hb September 2020

1. Alhamdulillah, sejak Aplikasi BruHealth diperkenalkan di Negara ini iaitu pada 14hb Mei 2020, sehingga ke hari ini sejumlah lebih 436 ribu (436,047) telah mendaftar dan menggunakan aplikasi ini.
2. Aplikasi BruHealth yang digunakan pada masa ini adalah sebagai satu Platform Respon Epidemik (*Epidemic Response Platform*) dan Platform Penglibatan Penduduk (*Population Engagement Platform*) bagi memudahkan Kementerian Kesihatan membuat *contact tracing* jika berlakunya penularan virus COVID-19 di kalangan masyarakat di Negara ini.
3. **Insha Allah, Aplikasi BruHealth ini akan menambah lagi beberapa ciri baru antaranya adalah seperti Rekod Peribadi Kesihatan Dalam Talian (*Online Personal Health Records*), Perjanjian Hospital Dalam Talian (*Online Visit Appointment*) dan Konsultasi Secara Video Dalam Talian (*Online Video Consultation*).** Ciri-ciri baru yang dibuat secara *digital* ini akan dapat membantu masyarakat di negara ini untuk mengetahui sejarah kesihatan bagi memperkesankan lagi dalam pengurusan kesihatan masing-masing.



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Dengan adanya platform seumpama ini, ianya membolehkan pihak Kerajaan memanfaatkan *big data* dan *artificial intelligence* kearah usaha untuk membantu Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak yang berkepentingan akan tahap dan status kesihatan warganegara dan penduduk di negara ini, disamping membantu dalam membuat ramalan kadar jangkitan, pemetaan sumber perubatan (*medical resource mapping*) yang membolehkan perancangan secara lebih berkesan khususnya penyediaan prasarana bagi penjagaan kesihatan serta menyediakan polisi-polisi yang berkaitan dengan kesihatan awam di negara ini.
  
5. Dalam hubungan ini, saya bagi pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama yang berterusan dan bersepadu diantara pihak yang berkepentingan di dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pengangkutan dan Info-Komunikasi (MTIC) dan penglibatan sektor swasta iaitu Syarikat IT Protective Security Services Sendirian Berhad (ITPSS), Syarikat Dynamik Technologies Sendirian Berhad, Unified National Networks Sendirian Berhad (UNN) dan EVYD Technology dalam sama-sama menjayakan projek yang berskala besar ini.



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Dokongan yang padu diantara agensi-agensi Kerajaan dan Swasta di negara ini mencerminkan kesepaduan dan kesepakatan kitani semua dalam menangani cabaran-cabaran khususnya wabak COVID-19.

Seterusnya YB Dato Menteri Kesihatan akan menerangkan dengan terperinci lagi ciri-ciri baru yang diperkenalkan bagi fasa kedua.

Sekian terima kasih.